



KEAKRABAN hubungan Rokiah dan anaknya, Zery Zamri, jelas terlihat walaupun dalam topik tertentu mereka mempunyai pandangan tersendiri.

Cita rasa berbeza

KOSMO 8/12/06

Siti Rokiah Azad Khan, 59, kelihatan bukan sahaja gembira, bahkan menyokong usaha anaknya, Zery Zamri, 22, juara pertandingan Jarum Berlian Utusan 2006.

Oleh NIZHA PERIASWAMY
nizha@kosmo.com.my

Padamatahati

"ZERY seorang yang sangat rajin dan bersungguh-sungguh dengan apa yang dibuatnya. Jadi apabila ia berkaitan mereka baju atau menjahit, dia akan melakukannya sepenuh hati tanpa mengira faktor-faktor lain. Dia akan duduk berjam-jam dengan penuh kesabaran dan melakukan kerjanya dengan teliti."

Itulah luahan ibu Zery yang sentiasa berada di sisi anaknya demi kejayaannya.

Kreativiti Zery dalam bidang fesyen dan minatnya menjahit pakaian sememangnya mengejutkan Rokiah. Beliau mula mengetahui kemahiran anaknya sewaktu Zery berusia 17 tahun lagi.

"Saya terkejut apabila dia menjahit sepasang baju kurung. Memang pada awalnya dia memberitahu saya bahawa dia akan menjahit baju tetapi saya tidak menyangka dia akan menjahit dengan baik sekali," kata Rokiah.

Selapas itu, Rokiah terus membenarkan anak beliau belajar seni fesyen di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Namun, ada seperkara lain yang menjadi keghairahan Zery. "Zery juga pandai memasak. Di sekolah dia, dia boleh masak sendiri, malah dia akan menyediakan makanan jika kami adakan rumah terbuka sewaktu hari raya," jelas Rokiah.

Menurut beliau lagi, masakan Zery yang paling diminatinya ialah nasi minyak, ayam goreng madu dan

kurma. Manakala jika Zery membuat majlis untuk rakan-rakannya, menu pilihan utama ialah spaghetti. "Dia turut risau akan kesihatan Zery," tambah Rokiah.

Biarpun Rokiah mengagumi kebolehan anaknya memasak, beliau turut risau akan kesihatan Zery. "Dia pandai masak dan suka makan. Itu membimbangkan saya kerana takut dia akan terdedah kepada penyakit. Saya sekarang sedang berusaha untuk mengurangkan berat badan Zery dengan mengawal makanan dan memberikannya suplemen-suplemen untuk mengurangkan berat badan," kata Rokiah.

Sebagai anak bongsu daripada empat beradik, Zery yang kini tinggal bersama ibunya di Shah Alam, Selangor, mendapat sokongan moral, sosial dan kewangan daripada Rokiah.

"Saya bersyukur dan gembira kerana mempunyai seorang ibu yang sangat memahami. Dia juga sangat terbuka. Jika saya ajak kawan-kawan ke rumah, ibu akan menyediakan makanan untuk kami," kali ini Zery pula mengambil giliran bercerita tentang Rokiah.

Menghargai segala bantuan ibunya, Zery menambah, ibunya membelikan sebuah kereta sempena ulang tahun kelahirannya pada bulan Disember tahun lepas.

"Memang saya yang minta sebuah kereta, tetapi terharu juga apabila ibu sanggup membelikannya. Saya tahu kereta bukan hadiah kecil. Dulu ibu

tidak benarkan saya sentuh keretanya, tetapi sekarang saya bawa dia ke mana sahaja dia mahu pergi dengan kereta baru saya. Itu salah satu cara saya membalas budi baiknya," kata Zery.

Malah, ibunya tidak pernah lupa untuk mengucapkan selamat hari jadi kepada kesemua adik-beradiknya.

Dalam pada itu, Zery pula menghadihkan sebuah dompet Liz Clairborne untuk ibunya pada sambutan Hari Ibu tahun ini. Bukan itu sahaja, Zery dan Rokiah masing-masing mengakui mereka selalu saling membelikan hadiah, tidak kira kecil atau besar.

Sebagai bekas pakar terapi kecantikan, Rokiah juga peka terhadap fesyen dan selalu mengikuti perkembangan fesyen bersama-sama anaknya. Meskipun begitu, Rokiah mengakui cita rasanya tidak selalu sepadan dengan Zery.

"Tentulah, usia saya sudah jauh berbeza dan kadangkala saya kena berpakaian mengikut usia.

"Cita rasa saya dan Zery adakalanya berlawanan tetapi dia selalu menasihatkan saya supaya mengekalkan cara berpakaian yang glamor sewaktu muda," kata Rokiah.

"Dulu ibu glamor, tetapi sekarang saya akan pastikan pakaiannya sesuai terutama jika ibu ingin menghadiri majlis atau pertunjukan fesyen bersama saya," celah Zery pula.

